

04 FEB 2004
Konsul-Perlantikan
MALAYSIA LANTIK KONSUL KEHORMAT DI BALI

Oleh: Openg Onn

NUSA DUA, Bali, 4 Feb (Bernama) -- Usahawan Indonesia yang berjaya,

Feisol Hashim, dilantik menjadi Konsul Kehormat Malaysia di Bali.

Beliau akan membantu untuk mempromosi imej serta tempat-tempat menarik

Malaysia di sini.

Feisol, 60, yang dilahirkan di Malaysia menerima surat perlantikan

beliau yang ditanda tangani oleh Yang di-Pertuan Agong daripada Menteri

Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Syed Hamid berada di sini untuk menghadiri Mesyuarat Serantau peringkat

Menteri berhubung Memerangi Keganasan yang bermula hari ini.

Turut hadir pada majlis itu adalah Timbalan Ketua Setiausaha II, Kementerian Luar, Datuk Hsu King Bee dan duta Malaysia ke Indonesia, Datuk

Hamidon Ali.

Feisal, yang juga merupakan anak saudara bekas Perdana Menteri Tun Dr

Mahathir Mohamad, dilahirkan di Bandar Baru, Kedah dan berhijrah dan mendapat kerakyatan Indonesia pada tahun 1977.

Syed Hamid berkata Feisol, merupakan konsul kehormat pertama yang

dilantik oleh Malaysia di Indonesia.

Selain kedutaan Malaysia di Jakarta, Malaysia mempunyai pejabat Konsul

Besar di Medan, ibu negeri Wilayah Sumatra Utara dan Konsul di Pekan Baru,

Wilayah Riau di Pulau Sumatera, serta pejabat Konsul di Pontianak, ibu

negeri wilayah Kalimantan Barat.

-- BERNAMA

OPP AHH AZH